

# Ayat Sama Maksud

## Info Ayat Sama Maksud

**Menentukan ayat yang sama maksud merupakan satu daripada aspek penggunaan bahasa atau tatabahasa yang disoal dalam UPSR.**

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang bergaris.

- 1 Diana menyelesaikan kerja yang diberikan oleh Cikgu Ali dalam masa setengah jam sahaja.
  - A Semua kerja yang diberikan oleh Cikgu Ali setengah jam yang lepas telah disiapkan oleh Diana.
  - B Kerja setengah jam itu akan diselesaikan oleh Diana seperti yang diarahkan oleh Cikgu Ali.
  - C Dalam masa setengah jam, kerja yang diberi oleh Cikgu Ali dapat disiapkan oleh Diana.
  - D Kerja yang diberi oleh Cikgu Ali telah setengah jam yang lalu disiapkan oleh Diana.
  
- 2 Pemuda itu dilanggar motosikal semasa dia hendak melintas jalan raya.
  - A Jalan raya yang dilintasi oleh pemuda itu sering berlaku kemalangan yang membabitkan pejalan kaki dengan motosikal.
  - B Jalan raya yang dilintasi oleh pemuda itu sering berlaku kemalangan yang membabitkan pejalan kaki dengan motosikal.
  - C Semasa pemuda itu hendak melintasi jalan raya, dia terlanggar motosikal.
  - D Semasa pemuda itu hendak melintasi jalan raya, dia dilanggar motosikal.
  
- 3 Zaman remaja merupakan satu tempoh kehidupan yang diselubungi oleh harapan, cabaran dan ketegangan yang tertentu.
  - A Masalah ketegangan telah menyebabkan remaja tiada harapan dan cabaran dalam kehidupan.
  - B Harapan, cabaran dan ketegangan merupakan masalah yang biasa dalam tempoh kehidupan alam remaja.
  - C Remaja diselubungi cabaran dan harapan kerana ketegangan dalam kehidupan.

- D Zaman remaja mesti menghadapi pelbagai harapan dan cabaran yang menyebabkan kerungsingan.
- 4 Akhlak yang baik merupakan manifestasi jiwa yang murni.
- A Jiwa yang murni ialah gambaran perlakuan yang mulia .
  - B Jiwa yang murni sebatian dengan akhlak yang sempurna.
  - C Kemurnian jiwa sentiasa bersama akhlak yang sempurna.
  - D Kemurnian jiwa tidak seiring dengan perlakuan yang sempurna.
- 5 Dalam era ledakan maklumat dan revolusi teknologi, keperluan untuk menuntut ilmu sebanyak yang mungkin sudah menjadi begitu penting.
- A Ilmu tidak sepenting ledakan maklumat untuk menjadi orang yang berjaya.
  - B Ilmu pengetahuan sangat penting dalam era ledakan maklumat dan perubahan teknologi.
  - C Teknologi maklumat tidak terlalu mementingkan ilmu pengetahuan yang banyak.
  - D Revolusi teknologi dan ledakan maklumat adalah sama dengan ilmu pengetahuan.
- 6 Sungai–sungai di negara ini semakin tercemar kerana tindakan manusia yang tidak bertanggungjawab untuk menjaga kualiti alam sekitar.
- A Manusia sentiasa bertanggungjawab menjaga kualiti alam sekeliling agar sentiasa bersih.
  - B Manusia menjadi sangat penting apabila sungai semakin tercemar.
  - C Sikap manusia yang sering mengabaikan peranan terhadap alam sekitar telah menyebabkan sungai–sungai sentiasa tercemar.
  - D Sungai merupakan unsur alam yang paling diabaikan oleh manusia sekarang sehingga tercemar.
7. Berkotak–kotak ubat diterbangkan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ke kawasan pedalaman Sabah.
- A Dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, kotak-kotak ubat itu dibawa ke kawasan Sabah dan pedalamannya menaiki kapal terbang.
  - B Ubat-ubat itu terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ke kawasan pedalaman Sabah.

- C** Ubat yang berkotak-kotak itu dibawa dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ke kawasan pedalaman dengan kapal terbang.
- D** Dengan menaiki kapal terbang, kotak–kotak ubat itu dihantar ke pedalaman Sabah dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
- 8.** Pertunjukan itu akan bermula lima minit lagi tetapi penyanyi itu belum tiba jua.
- A** Penyanyi itu masih belum sampai walaupun pertunjukan sudah bermula dalam masa lima minit.
- B** Hanya selepas lima minit setelah pertunjukan bermula, penyanyi itu pun tiba .
- C** Setelah tiba, penyanyi itu mendapati pertunjukan akan bermula lima minit lagi.
- D** Penyanyi itu masih belum muncul walaupun pertunjukan itu akan bermula lima minit lagi.
- 9** Idham menyatakan keinginannya untuk memiliki rumah itu kepada Azhar.
- A** "Aku pasti akan membeli rumah itu, Azhar," kata Idham.
- B** "Suatu hari, aku pasti akan memiliki rumah itu," kata Idham kepada Azhar.
- C** "Aku berhajat untuk memiliki rumah itu," kata Idham kepada Azhar.
- D** "Rumah itu sudah menjadi milikku," tegas Idham kepada Azhar.
- 10** "Mendermalah kepada fakir miskin ," kata Ustaz Faizul kepada Izhar.
- A** Ustaz Faizul menasihati Izhar supaya memberikan derma kepada fakir miskin.
- B** Ustaz Faizul memujuk Izhar supaya mendermakan hartanya kepada golongan miskin.
- C** Ustaz Faizul memerintahkan Izhar supaya menyerahkan wangnya kepada fakir miskin.
- D** Ustas Faizul meminta Izhar supaya menghulurkan wang saku kepada fakir miskin.
- 11** Keindahan flora dan fauna yang belum tercemar merupakan daya penarik kepada pelancong ke Taman Negara.
- A** Kecantikan flora dan fauna menjadi faktor penarik kunjungan pelawat ke Taman Negara.

- B** Pelancong datang ke Taman Negara kerana tertarik dengan keindahan flora dan fauna yang belum terusik.
- C** Faktor flora dan fauna di Taman Negara yang belum tercemar menjadi daya penarik kunjungan pelancong.
- D** Keindahan flora dan fauna di Taman Negara sangat diminati pelancong.
- 12** “Ketupat palas dan rendang tok yang dibuat oleh Nenek Tijah ini enak sungguh,” kata Aznita kepada Amira.
- A** Aznita dan Amira memuji keenakan ketupat palas dan rendang yang dibuat oleh Nenek Tijah.
- B** Aznita dan Amira diberitahu tentang kepandaian Nenek Tijah membuat ketupat palas dan rendang tok yang enak.
- C** Nenek Tijah memberitahu Aznita dan Amira tentang keenakan ketupat palas dan rendang tok yang dimasukkannya.
- D** Aznita telah memberitahu Amira tentang keenakan ketupat palas dan rendang tok yang dibuat oleh Nenek Tijah.
- 13** Kawasan dusun datuk kelihatan terang kerana baru dibersihkan oleh Pak Majid.
- A** Pak Majid yang membersihkan kawasan dusun datuk yang baru terang itu.
- B** Kawasan dusun datuk yang baru dibersihkan oleh Pak Majid kelihatan terang.
- C** Kawasan dusun datuk yang baru kelihatan bersih oleh Pak Majid.
- D** Pak Majid baru menerangkan kawasan dusun datuk yang bersih itu.
- 14** Pihak Kementerian Pendidikan telah merangka satu program khas untuk murid-murid tahun enam selepas menduduki peperiksaan UPSR.
- A** Satu program khas selepas menduduki peperiksaan UPSR telah dirangka oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk murid-murid tahun enam.
- B** Murid-murid tahun enam merangka satu program khas untuk Kementerian Pendidikan selepas menduduki peperiksaan UPSR.
- C** Satu program untuk murid-murid tahun enam selepas menduduki peperiksaan UPSR telah dirangka oleh pihak Kementerian Pendidikan.
- D** Selepas menduduki peperiksaan UPSR, pihak Kementerian Pendidikan dan murid-murid tahun enam akan merangka satu program khas.

- 15 Encik Faizul mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Muzamil yang telah dinaikkan pangkat.
- A Kata Encik Muzamil, "Tahniah, Faizul kerana telah dinaikkan pangkat."
  - B Kata Encik Faizul, "Tahniah Muzamil kerana telah dinaikkan pangkat dan selamat maju jaya."
  - C Kata Encik Faizul, "Ucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Muzamil yang telah dinaikkan pangkat".
  - D Kata Encik Faizul, "Muzamil telah dinaikkan pangkat. Ucapkan tahniah kepada beliau."
- 16 "Kalau bercuti di Terengganu, jangan lupa singgah di rumah saya di Marang," kata Fauziah kepada Ayu.
- A Ayu dan Fauziah mempelawa saya singgah di Marang sekiranya saya bercuti di Terengganu.
  - B Ayu mengajak Fauziah bermalam di rumahnya di Marang jika bercuti di Terengganu.
  - C Fauziah mengingatkan saya dan Ayu agar singgah di rumahnya di Marang sekiranya bercuti di Terengganu.
  - D Fauziah mengajak Ayu singgah di rumahnya di Marang sekiranya dia bercuti ke Terengganu.
- 17 Kata Cikgu Siti kepada Ros, "Suruh Laila berjumpa dengan saya di perpustakaan."
- A Cikgu Siti menyuruh Ros dan Laila berjumpa dengannya di perpustakaan.
  - B Ros menyuruh Laila berjumpanya dan Cikgu Siti di perpustakaan.
  - C Laila ingin berjumpa dengan Ros dan Cikgu Siti di perpustakaan.
  - D Cikgu Siti menyuruh Ros memberitahu Laila supaya berjumpa dengannya di perpustakaan.
- 18 Vitamin C dalam buah limau baik untuk kesihatan.
- A Kesihatan yang baik terdapat dalam Vitamin C buah limau.
  - B Buah Limau mengandungi Vitamin C yang baik untuk kesihatan.
  - C Buah limau yang sihat mengandungi Vitamin C.
  - D Kesihatan buah limau ialah Vitamin C.
- 19 Hassan yang minum kopi di dalam gelas itu.

- A** Gelas yang berisi kopi itu diminum oleh Hassan.
- B** Di dalam gelas itu ada kopi yang diminum oleh Hassan.
- C** Kopi di dalam gelas itu diminum oleh Hassan.
- D** Kopi diminum oleh Hassan di dalam gelas itu.

**20** "Ayah dan ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun ini," kata Hakim kepada Faizul.

- A** Hakim dan Faizul memberitahu tentang ayah dan ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun ini.
- B** Hakim dan Faizul diberitahu bahawa ayah ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun itu.
- C** Faizul memberitahu Hakim bahawa ayah dan ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun itu.
- D** Hakim memberitahu Faizul bahawa ayah dan ibunya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun ini.

**21** Kedatangan sahabat lamanya itu disambut oleh Puan Sofea dengan tangan terbuka.

- A** Sahabat lamanya itu menyambut kedatangan Puan Sofea dengan tangan terbuka.
- B** Puan Sofea menyambut kedatangan sahabat lamanya itu dengan tangan terbuka.
- C** Kedatangan sahabat Puan Sofea itu lama disambut olehnya dengan tangan terbuka.
- D** Kedatangan Puan Sofea dengan tangan terbuka disambut oleh sahabat lamanya itu.

**22** Penggambaran filem dokumentari tentang hutan hujan tropika itu diadakan di Taman Negara.

- A** Taman Negara telah menjadi lokasi penggambaran sebuah filem dokumentari.

- B** Taman Negara menjadi tempat penggambaran filem dokumentari tentang hutan hujan tropika itu.
- C** Tayangan filem dokumentari tentang hutan hujan tropika itu dilakukan di Taman Negara.
- D** Taman Negara yang terkenal dengan hutan hujan tropika selalu dijadikan tempat penggambaran filem.
- 23.** Harliza mengajak Maria menonton persembahan Orkestra Simfoni Muda di Istana Budaya pada malam itu.
- A** “Marilah kita pergi menonton persembahan Orkestra Simfoni Muda di Istana Budaya pada malam ini,” kata Harliza kepada Maria.
- B** “Kamu hendak pergi menonton persembahan Orkestra Simfoni Muda di Istana Budaya pada malam ini?” tanya Harliza kepada Maria.
- C** “Pada malam esok apa kata kalau kita pergi menonton persembahan Orkestra Simfoni Muda di Istana Budaya?” kata Harliza kepada Maria.
- D** “Harliza, malam ini apa kata kita menyaksikan persembahan Orkestra Simfoni Muda di Istana Budaya?” tanya Maria.
- 24** Kain songket yang diperagakan oleh peragawati itu ditunen oleh Mek Su, penenun yang terkenal di pantai timur.
- A** Kain songket yang diperagakan oleh Mek Su itu ditunen oleh seorang peragawati yang terkenal di pantai timur.
- B** Seorang penenun yang terkenal di pantai timur telah memperagakan kain songket itu.
- C** Peragawati itu telah memperagakan kain songket yang ditunen oleh Mek Su, penenun yang terkenal di pantai timur.
- D** Peragawati itu dan Mek Su penenun yang terkenal di pantai timur telah memperagakan kain songket.
- 25** Cikgu Nadia menasihati murid-muridnya supaya banyak membaca majalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan .

- A** “Kita perlu membaca banyak majalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan,” jelas Cikgu Nadia kepada murid-muridnya.
- B** “Kamu perlu banyak membaca majalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan,” kata Cikgu Nadia kepada murid-muridnya.
- C** “Saya dan kamu perlu banyak membaca majalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan,” ujar Cikgu Nadia kepada murid-muridnya.
- D** “Mereka perlu banyak membaca majalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan,” nasihat Cikgu Nadia kepada murid-muridnya.
- 26** “Zainab, ambikan saya pinggan itu,” kata Wati.
- A** Zainab menyuruh Wati mengambil pinggan itu untuknya.
- B** Pinggan itu diambil oleh Wati dan diberikan kepada Zainab.
- C** Zainab diminta oleh Wati supaya meletakkan pinggan yang diberinya itu.
- D** Wati meminta Zainab mengambil pinggan itu untuknya.
- 27** “Saya hendak berjumpa dengan awak esok,” kata Encik Rizal kepada Zaki.
- A** Encik Rizal memberitahu Zaki bahawa dia hendak berjumpa dengan saya pada hari esok.
- B** Encik Rizal memberitahu Zaki bahawa dia hendak berjumpa dengannya pada keesokan harinya.
- C** Encik Rizal mengingatkan saya dan Zaki supaya berjumpa dengannya pada keesokan harinya.
- D** Encik Rizal mengingatkan Zaki supaya berjumpa dengannya pada keesokan harinya.
- 28** Para pelajar harus melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.
- A** Di sekolah pelajar akan terlibat dalam aktiviti kokurikulum dengan aktif.
- B** Kegiatan kokurikulum yang diadakan di sekolah perlulah aktif supaya pelajar dapat melibatkan diri.
- C** Pelajar perlu aktif untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.
- D** Pelajar perlu bergiat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.
- 29** “Min, tolong berikan kad ucapan hari jadi ini kepada Moon,” kata Salmi.



- A** Min berharap agar Moon dapat memberikan kad ucapan hari jadi kepada Salmi.
- B** Salmi meminta pertolongan Min supaya menghantar kad ucapan hari jadi kepada Moon.
- C** Salmi meminta agar Min dapat menyampaikan ucapan hari jadi kepada Moon.
- D** Salmi menyampaikan agar Min meminta ucapan hari jadi kepada Moon.
- 30** “Belajarlh sungguh-sungguh, jangan sia-siakan usia mudamu.” kata abang kepada saya.
- A** Abang menasihati saya supaya jangan mensia-siakan masa muda dan belajar dengan sungguh-sungguh.
- B** Abang memberitahu saya supaya rajin belajar dan jangan mensia-siakan usianya yang muda.
- C** Abang memberitahu saya supaya rajin belajar dan jangan mensia-siakan usianya yang muda.
- D** Abang menyuruh saya belajar supaya tidak mensia-siakan usia yang muda.
- 31** Aziz meminta Hafiz menjalani pemeriksaan di Hospital Besar Ipoh sebelum keadaan menjadi lebih serius.
- A** Jika keadaan menjadi lebih serius, Aziz meminta Hafiz menjalani pemeriksaan di Hospital Besar Ipoh.
- B** Aziz menggalakkan Hafiz menjalani pemeriksaan yang lebih serius di Hospital Besar Ipoh.
- C** Hafiz akan menjalani pemeriksaan di Hospital Besar Ipoh sekiranya Aziz menyuruhnya berbuat demikian.
- D** Hafiz diminta oleh Aziz agar menjalani pemeriksaan di Hospital Besar Ipoh sebelum keadaan menjadi lebih serius.
- 32** Shila gembira mengikut Puteri pulang ke kampungnya kerana dia berpeluang merasai cara hidup kaum nelayan.
- A** Cara hidup kaum nelayan membuatkan Shila dan Puteri gembira berada di kampungnya.
- B** Shila gembira kerana berpeluang merasai cara hidup nelayan apabila

mengikuti Puteri pulang ke kampungnya.

- C** Puteri berasa gembira pulang ke kampung Shila dan berpeluang merasai cara hidup kaum nelayan.
- D** Kaum nelayan berasa gembira mengikuti Shila dan Puteri pulang ke kampungnya.

**33** “Bersiap sedialah kamu menghadapi ujian awal tahun nanti,” kata Cikgu Ali kepada murid-muridnya.

- A** Cikgu Ali berpesan agar murid-muridnya mengambil ujian awal tahun.
- B** Murid-murid meminta Cikgu Ali mengadakan ujian pada awal tahun.
- C** Murid-murid diminta bersedia menghadapi ujian Cikgu Ali pada awal tahun ini.
- D** Cikgu Ali meminta murid-muridnya bersedia untuk menghadapi ujian awal tahun yang akan datang.

**34** Guru disiplin telah menangkap lima orang murid yang ponteng sekolah di pusat permainan video.

- A** Lima orang guru disiplin telah menangkap murid yang ponteng sekolah di pusat permainan video.
- B** Guru menangkap lima orang murid yang tidak berdisiplin di pusat permainan video.
- C** Lima orang murid yang ponteng sekolah telah ditangkap di pusat permainan video oleh guru disiplin.
- D** Lima orang murid yang ponteng sekolah telah ditangkap di pusat permainan video kerana tidak berdisiplin.

**35** Kami tidak kering gusi mendengar ceritanya yang lucu itu.

- A** Gusi kami senantiasa basah kerana geli hati mendengar ceritanya.
- B** Ceritanya yang lucu itu mencuit hati kami.
- C** Kami tidak henti-henti ketawa mendengar ceritanya yang lucu itu.
- D** Ceritanya yang lucu itu membuatkan kami ketawa sepanjang masa.

- 36 Adik tidak gemar akan sayur kerana rasanya pahit.
- A Adik tidak suka sayur yang pahit.
  - B Adik tidak gemar akan makanan yang pahit seperti sayur.
  - C Rasa pahit yang menyebabkan adik tidak suka akan sayur.
  - D Menurut adik, dia tidak gemar akan rasa pahit pada sayur.
- 37 “Sila beratur dalam dua barisan, murid-murid.” kata Cikgu Ahmad.
- A Cikgu Ahmad mempersilakan murid-murid beratur dalam dua barisan.
  - B Cikgu Ahmad meminta murid-murid supaya beratur dalam dua barisan.
  - C Murid-murid yang beratur dalam dua barisan mempersilakan Cikgu Ahmad.
  - D Murid-murid Cikgu Ahmad diminta beratur dalam dua barisan.
- 38 Kami membawa mangsa rompakan itu membuat laporan di balai polis.
- A Mangsa yang membuat laporan di balai polis itu kami bantu.
  - B Mangsa rompakan balai polis yang membuat laporan itu kami bantu.
  - C Kami dibantu oleh mangsa rompakan itu membuat laporan di balai polis.
  - D Mangsa rompakan itu kami bawa ke balai polis untuk membuat laporan.
- 39 “Saya memilih majalah Pelita Bahasa kerana isi kandungannya menarik.” kata Rizal.
- A Rizal menjelaskan bahawa majalah Pelita Bahasa menjadi pilihannya kerana isi kandungannya menarik.
  - B Kerana tertarik oleh isi kandungannya, maka Rizal membeli majalah Pelita Bahasa.
  - C Isi kandungan Pelita Bahasa telah menarik perhatian Rizal untuk membelinya.
  - D Rizal mencadangkan agar majalah Pelita Bahasa dipilih kerana isi kandungannya menarik.
- 40 “Jangan sekali-kali membantah arahan guru,” pesan ayah kepada adik.
- A Ayah memarahi adik kerana membantah arahan guru.
  - B Adik dinasihati oleh ayah agar tidak menurut pesanan guru.

- C Ayah mengingatkan adik agar jangan sekali-kali membantah arahan guru.  
D Adik dilarang membantah arahan guru lebih daripada sekali.
- 41 Buah mempelam yang dihadaiahkan oleh pengurus syarikat diagihkan kepada kakitangannya.
- A Pengurus syarikat buah mempelam memberikan hadiah kepada kakitangannya.  
B Pengurus syarikat menghadaiahkan buah mempelam lalu diagihkan kepada kakitangannya.  
C Kakitangan syarikat mengagihkan buah mempelam kepada pengurus syarikat.  
D Kakitangan syarikat mendapat buah mempelam yang dihadaiahkan oleh pengurus syarikat.
- 42 “Mi rebus ini sedap tetapi agak pedas,” kata Rita kepada Melati.
- A Rita memberitahu Melati bahawa mi rebus itu sedap tetapi agak pedas.  
B Melati memberitahu Rita bahawa mi rebus itu sedap tetapi agak pedas.  
C Rita dan Melati diberitahu bahawa mi rebus itu sedap tetapi agak pedas.  
D Rita dan Melati memaklumkan bahawa mi rebus itu sedap tetapi agak pedas.
- 43 Lantai itu bersih kerana baru disapu oleh ibu.
- A Ibu baru saja menyapu lantai yang bersih itu.  
B Lantai yang baru disapu oleh ibu itu bersih.  
C Lantai baru yang bersih itu telah disapu oleh ibu.  
D Ibu menyapu lantai baru itu sehingga bersih.
- 44 Potret yang cantik itu dilukis oleh seorang pelukis yang terkenal.
- A Pelukis yang terkenal telah menghasilkan potret yang cantik itu.  
B Pelukis yang termasyhur telah mengeluarkan kecantikan potret itu.  
C Potret yang terkenal itu telah dihasilkan oleh pelukis yang cantik itu.

- D** Kecantikan potret yang termasyhur itu dikeluarkan oleh seorang pelukis yang terkenal.
- 45** Maria mengucapkan tahniah kepada Syazana kerana dia telah berjaya dalam pertandingan bercerita itu.
- A** Kata Maria, “Dia memberikan tahniah kepada Syazana yang berjaya dalam pertandingan bercerita itu.”
- B** Kata Maria, “Syazana telah berjaya dalam pertandingan bercerita itu, beri tahniah.”
- C** Kata Maria, “Ucapkan tahniah kepada Syazana kerana dia telah berjaya dalam pertandingan bercerita itu.”
- D** Kata Maria, “Tahniah, Syazana kerana kamu telah berjaya dalam pertandingan bercerita itu.”
- 46** Cikgu Normah menasihati murid-muridnya supaya melihat ke kiri dan ke kanan terlebih dahulu sebelum melintas jalan.
- A** Sebelum melintas jalan, Cikgu Normah menasihati murid-muridnya supaya melihat ke kiri dan ke kanan terlebih dahulu.
- B** Murid-murid dinasihati oleh Cikgu Normah supaya melihat ke kiri dan ke kanan terlebih dahulu sebelum melintas jalan.
- C** Murid-murid yang hendak melintas jalan Cikgu Normah dinasihati supaya melihat ke kiri dan ke kanan terlebih dahulu.
- D** Terlebih dahulu Cikgu Normah menasihati murid-muridnya supaya melihat ke kiri dan ke kanan sebelum melintas jalan.
- 47** “Datuk perlu kita bawa ke hospital untuk diubati penyakitnya,” kata Latif kepada adik-adiknya.
- A** Latif menyuruh adik-adiknya membawa datuknya yang sakit itu ke hospital untuk diubati.
- B** Latif mencadangkan supaya datuk mereka dibawa ke hospital sebelum penyakitnya melarat.
- C** Latif mencadangkan supaya datuk mereka dibawa ke hospital untuk dirawat.
- D** Latif dan adik-adiknya disuruh membawa datuk mereka ke hospital untuk diubati penyakitnya.

- 48 Karim menasihati Siva supaya mematuhi peraturan jalan raya.
- A Karim mematuhi peraturan jalan raya setelah menasihati Siva.
  - B Sivalah yang menasihati Karim supaya mematuhi peraturan jalan raya.
  - C Siva dinasihati oleh Karim supaya mematuhi peraturan jalan raya.
  - D Siva mematuhi peraturan jalan raya setelah dinasihati oleh Karim.
- 49 “Ceritakanlah masalah kamu itu. Mungkin saya dapat menolong kamu, Liana,” kata Sarina.
- A Sarina meminta Liana menolongnya menyelesaikan masalah yang dihadapinya.
  - B Sarina meminta Liana menceritakan masalah yang dialaminya mudah-mudahan dia dapat membantu Liana.
  - C Sarina memaksa Liana menceritakan masalah yang dihadapinya kerana dia hendak menolong Liana.
  - D Sarina menasihati Liana agar menyelesaikan masalah yang dihadapinya.
- 50 Kamalia menasihati adiknya supaya berhati-hati memilih kawan kerana sebarang kesilapan akan merugikannya.
- A Jangan memilih kawan yang merugikan kamu,” kata Kamalia.
  - B “Adik saya sentiasa berhati-hati memilih kawan supaya tidak merugikan dirinya,” kata Kamalia.
  - C “Adik, kakak cadangkan agar berhati-hati memilih kawan supaya diri kamu tidak rugi,” kata Kamalia.
  - D “Berhati-hati semasa memilih kawan agar tidak merugikan kamu,” kata Kamalia kepada adiknya.
- 51 Ketua Polis berharap agar orang ramai menghubungi pihaknya dengan segera sekiranya mereka menyaksikan kemalangan itu.
- A Orang ramai yang melihat kemalangan itu diminta ke balai polis secepat mungkin.
  - B Orang ramai yang melihat kemalangan itu diminta oleh Ketua Polis supaya menghubungi pihaknya dengan segera.
  - C Ketua Polis diminta menghubungi orang ramai yang melihat kemalangan itu dengan segera.
  - D Orang ramai yang ingin mengetahui berita kemalangan itu diarahkan menghubungi Ketua Polis secepat mungkin.

- 52 Saya akan menyelesaikan masalah kewangan syarikat itu.
- A Segala masalah kewangan syarikat ini akan saya selesaikan.
  - B Segala masalah kewangan yang dihadapi diselesaikan oleh syarikat saya.
  - C Selesaikan segala masalah kewangan syarikat saya ini.
  - D Masalah kewangan syarikat ini sudah saya selesaikan.
- 53 Pemain-pemain itu giat menjalani latihan untuk membina kecergasan.
- A Kecergasan untuk pemain-pemain perlu dijalankan secara giat.
  - B Latihan yang giat dapat menjamin pemain-pemain membina kecergasan.
  - C Pemain-pemain perlu giat membina kecergasan melalui latihan.
  - D Untuk membina kecergasan, pemain-pemain itu giat melakukan latihan.
- 54 Pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan akan disaman oleh pihak berkuasa.
- A Pihak berkuasa akan disaman oleh pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan.
  - B Pengguna jalan raya akan disaman oleh pihak berkuasa yang tidak mematuhi peraturan.
  - C Pihak berkuasa akan menyaman pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan.
  - D Pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan pihak berkuasa akan disaman.
- 55 Pesawat itu akan berlepas ke Australia sebaik-baik sahaja menerima arahan daripada pengawal trafik udara.
- A Pengawal trafik udara akan menerima arahan daripada pesawat sebelum berlepas ke Australia.
  - B Pengawal trafik udara akan memberikan arahan kepada pesawat yang akan bertolak ke Australia.
  - C Sebaik-baik sahaja arahan diberikan oleh pengawal trafik udara, pesawat itu akan berlepas ke Australia.

**D** Pengawal trafik udara akan berlepas ke Australia sebaik-baik sahaja mendapat arahan daripada pesawat itu.

**56** Cerita rakyat merupakan satu cabang sastera tradisional yang perlu diketahui dan dihayati oleh kanak-kanak.

**A** Satu cabang cerita rakyat daripada sastera tradisional perlu diketahui dan dihayati oleh kanak-kanak.

**B** Kanak-kanak perlu menghayati dan mengetahui sastera tradisional sebagai satu cabang cerita rakyat.

**C** Sastera tradisional dan cerita rakyat perlu diketahui dan dihayati oleh kanak-kanak daripada satu cabang.

**D** Kanak-kanak perlu mengetahui dan menghayati cerita rakyat sebagai satu daripada cabang sastera tradisional.

**57** “Saya berharap agar murid-murid sentiasa menjaga nama baik sekolah ini dan belajar bersungguh-sungguh,” kata Encik Sulaiman dalam ucapannya.

**A** Encik Sulaiman yang menyampaikan ucapan berharap agar murid-murid dapat mengharumkan nama sekolah melalui kesungguhan belajar.

**B** Semasa berucap, Encik Sulaiman mendesak murid-murid supaya dapat memelihara nama baik sekolah ini dan belajar bersungguh-sungguh.

**C** Dalam ucapannya, Encik Sulaiman mengharapkan murid-murid agar sentiasa menjaga nama baik sekolah itu dan belajar bersungguh-sungguh.

**D** Encik Sulaiman berharap agar murid-murid yang menjaga nama baik sekolah itu dapat belajar bersungguh-sungguh.

**58** Danial dan Luqman akan singgah di rumah Ikram dalam perjalanan pulang dari sekolah nanti.

**A** “Saya akan singgah di rumah kamu dalam perjalanan pulang dari sekolah nanti,” kata Danial kepada Luqman dan Ikram.

**B** “Dalam perjalanan pulang dari rumah Ikram, kami akan singgah di rumah kamu, Luqman,” kata Danial.



- C** “Singgahlah di rumah saya semasa kamu pulang dari sekolah nanti,” kata Ikram kepada Danial dan Luqman.
- D** “Kami akan singgah di rumah Ikram semasa pulang dari sekolah nanti,” kata Danial dan Luqman.

**59** Oleh sebab cuaca panas, mereka menangguhkan kerja menyiapkan jambatan itu.

- A** Mereka menangguhkan kerja menyiapkan jambatan tersebut jikalau cuaca panas.
- B** Kerja menyiapkan jambatan itu ditangguhkan berikutan cuaca panas.
- C** Dalam keadaan yang panas itu, mereka memberhentikan kerja menyiapkan jambatan.
- D** Kerja menyiapkan jambatan itu ditunda dalam keadaan cuaca panas.

**60** Perpustakaan awam perlu dimanfaatkan untuk melahirkan generasi yang berilmu.

- A** Perpustakaan awam tidak perlu dimanfaatkan untuk melahirkan generasi yang berilmu.
- B** Perpustakaan awam ialah gedung ilmu terkini.
- C** Perpustakaan awam perlu dibina untuk dimanfaatkan.
- D** Bagi melahirkan generasi yang berilmu, perpustakaan awam perlu dimanfaatkan.

**JAWAPAN AYAT SAMA MAKSUD**



**LATIH TUBI TATABAHASA : AYAT SAMA MAKSUD**

---

---

1	C	31	D
2	D	32	B
3	B	33	D
4	A	34	C
5	B	35	C
6	C	36	C
7	C	37	B
8	D	38	D
9	C	39	A
10	A	40	C
11	C	41	B
12	D	42	A
13	B	43	B
14	A	44	A
15	B	45	D
16	D	46	B
17	D	47	C
18	B	48	C
19	C	49	B
20	D	50	D
21	B	51	B
22	B	52	A
23	A	53	D
24	C	54	C
25	B	55	C
26	D	56	D
27	B	57	C
28	D	58	D
29	C	59	B
30	A	60	D

